



**ANALISIS PENGGUNAAN KESAN BUNYI DALAM FILEM SERAM  
MUNAFIK**

Oleh

**MOHAMAD FAISAL BIN ZAMRI**

C17A0469


TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI  
KREATIF DENGAN KEPUJIAN

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2020


## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang dirangkumkan di dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk darjah tertinggi bagi mana-mana Universiti dan Institusi.




**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera dan boleh didapati dalam bentuk salinan dan dalam talian (teks penuh).



**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rasmi Rahsia 1972)\*



**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad seperti yang ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dilakukan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak seperti berikut :

1. Laporan ini adalah hak Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Tandatangan \_\_\_\_\_

Tandatangan Penyelia \_\_\_\_\_

Nama: MOHAMAD FAISAL BIN  
ZAMRI

Nama: EN.HIDAYAT BIN HAMID

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nota: Jika laporan ini SULIT ATAU TERHAD, sila kepilkan Bersama surat daripada organisasi yang menyatakan masa dan sebab untuk kesulitan dan pembatasan

<b>Senarai Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>Penghargaan</b>	I
<b>Abstrak</b>	II
<b>Abstract</b>	III
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b> 1.0 Pengenalan 1.1 Permasalahan Kajian 1.2 Latar Belakang Kes 1.3 Persoalan Kajian 1.4 Objektif Kajian 1.5 Skop Kajian 1.6 Kepentingan Kajian 1.7 Kesimpulan	1 – 5
<b>BAB 2 : SOROTAN KAJIAN</b> 2.0 Pengenalan 2.1 Artikel/ Jurnal 2.1.1 Sejarah Dan Perkembangan Filem Seram Melayu 2.1.2 Sejarah Filem Genre Seram Eropah dan Hollywood 2.2 Kesimpulan	6 – 19
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b> 3.0 Pengenalan 3.1 Reka Bentuk Kajian 3.1.1 Kaedah Kualitatif 3.1.2 Pengumpulan Data 3.1.3 Perpustakaan 3.1.4 Rujukan Internet 3.1.5 Temu Bual 3.2 Kesimpulan	20 – 24
<b>BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</b> 4.0 Pengenalan 4.1 Dapatan Kajian 4.2 Latar Belakang Responden 4.3 Makna bunyi yang digunakan dalam filem seram Munafik	

4.4 Peranan bunyi yang digunakan dalam filem seram Munafik	25 – 41
4.5 Perkembangan filem seram yang pertama ditayangkan hingga filem seram Munafik	
4.6 Keputusan	
4.6.1 Bahagian A : Latar belakang responden	
4.6.2 Bahagian B : Kesan filem Munafik mempengaruhi penonton	
4.7 Kesimpulan	
<b>BAB 5 : PENUTUP</b>	
5.0 Pengenalan	42 – 43
5.1 Cadangan	
<b>RUJUKAN</b>	44 – 45

## PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang” Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Pertamanya, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat dan izin-Nya, penyelidikan serta penulisan tesis ini iierjaya disiapkan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat pensyarah saya, Encik Hidayat Hamid atas segala bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat ibu bapa saya iaitu Encik Zakaria Awang Kechik dan Puan Wan Som Wan Dolah serta keluarga tercinta kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada pembantu penyelidik dan rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan tesis ini. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Mohamad Faisal Bin Zamri,

Kg Permatang Gading,

16800 Pasir Puteh,

Kelantan,

[Muhdfaisal997@gmail.com](mailto:Muhdfaisal997@gmail.com)

## **ABSTRAK**

Filem seram merupakan satu genre filem yang menguasai pasaran filem dunia dan sekaligus mampu mempengaruhi perkembangan industri tempatan. Mempunyai sejarah yang panjang dalam industri perfileman dunia, filem seram adalah genre yang popular di kalangan khalayak. Filem bergenre ini juga popular di Malaysia. Pelbagai kajian telah dibuat berkenaan filem seram di Malaysia, namun masih kurang kajian yang menekankan secara ilmiah dan sistematik menghalusi perkembangan filem seram di Malaysia. Kebanyakan kajian lepas filem seram Malaysia mahupun Melayu adalah lebih tertumpu kepada watak wanita dan unsur seram itu sendiri. Kekurangan ini merupakan jurang yang dikenalpasti. Justeru, makalah ini menghalusi perkembangan filem seram di Malaysia berdasarkan sejarah perfileman dunia secara umumnya dan Malaysia secara amnya. Implikasi artikel ini adalah memberi pemahaman kepada ahli akademik dalam bidang perfileman, pembuat filem dan industri perfileman mengenai perkembangan filem seram di Malaysia, selain menambah nilai dalam bidang ilmu mengenai filem seram Malaysia.

Kata Kunci: Genre; Filem Seram

## **ABSTRACT**

*Horror films are a genre film that is popular globally and is able to influence the local film industry. With its long history, the horror genre has its own aficionados. This includes Malaysian film audience. Several studies have been carried out on Malaysian horror films; nonetheless, there is a dearth of research that focuses on the development of the horror film genre academically and systematically. Much of the past research on Malaysian horror films puts emphasis on the female characters or the horror elements itself. Therefore, this paper outlines the development of the horror films in Malaysia based on its international and local roots. The implication of this outline is that it contributes to the understanding of the genre to local film scholars, filmmakers and the film industry itself, apart from contributing to the knowledge of Malaysian horror film genre.*

*Keywords: Genre; Horror film*

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 PENGENALAN

Filem adalah saluran hiburan yang sudah sehati dengan kehidupan manusia. Filem dalam bahasa Inggeris ialah “film” manakala dalam bahasa Melayu bermaksud wayang figura bergerak yang ditayangkan pada skrin dan ia terdapat di panggung wayang. Selain itu, dunia tanpa hiburan layar skrin atau filem pula dikatakan sukar untuk diimajinasikan oleh penonton. Hal ini kerana, filem bukan hanya sebagai alat hiburan semata-mata malah filem juga dapat mempengaruhi bentuk kehidupan para penonton iaitu emosi (Hans Hanis,2019)(Para,2)

Filem terbahagi kepada dua iaitu wayang gambar atau ceritanya pelakon bercakap dan pelakonna bisu diam dan tidak bercakap tetapi hanya beraksi sahaja. Berdasarkan teori Effendi, filem sebagai alat komunikasi media massa serta gabungan dari berbagai teknologi (Effendi, 1986) (Para.1). Selain itu, teknik fotografi dan projektor oleh dua adik-beradik iaitu Lumiere (Loius dan Auguste). Terciptanya dua beradik ini, pada 28 Disember 1885 mereka telah berjaya menayangkan filem pertama di Paris. Seteterusnya, industri ini terus berkembang pesat di benua lain termasuk benua Asia.

Filem yang dikaji oleh pengkaji ialah analisis penggunaan kesan bunyi dalam filem munafik. Genre filem *munafik* ialah seram. *Munafik* (Bahasa Melayu: Hipokrit) adalah filem seram *supernatural* Malaysia 2016 yang diarahkan oleh Syamsul Yusof. Ini adalah filem kesembilannya dan juga filem seram keduanya selepas *Khurafat* (2011) dan juga filem pertama dalam trilogi *Munafik* yang dirancang. Ia dibintangi oleh Syamsul sendiri, Fizz



Fairuz, Pekin Ibrahim dan Nabila Huda. Filem ini menggambarkan Adam, seorang pengamal perubatan Muslim yang tidak dapat meneruskan pekerjaannya dan menerima kenyataan kematian isterinya. Setelah dia bertemu dengan Maria, perkara yang tidak menyenangkan mula berlaku. Filem ini ditayangkan pada 25 Februari 2016, di Malaysia dan 5 Oktober 2016, di Indonesia.

Melalui filem genre seram ini, kajian ini ingin dijalankan untuk meneliti secara terperinci kesan bunyi yang diguna pakai di dalam filem *munafik* (2016) arahan Shamsul Yusof. Setiap pergerakan mahupun dialog yang dijalankan oleh para pelakon pasti akan dibantu oleh bunyi-bunyi supaya penonton dapat rasai seperti realiti. Bunyi memaikan peranan yang penting di dalam filem genre seram, terutamanya filem *munafik* ini. Jadi tidak hairanlah filem ini mendapat pungutan yang tinggi kerana kesan bunyi yang digunakan amat luar biasa.

### **1.1 PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan kajian dalam kajian ini diperolehi melalui pemerhatian pada sesuatu filem tersebut. Dalam menjalankan kajian berkenaan filem *munafik* (2016) ini, pengkaji memilih topik mengenai analisis penggunaan kesan bunyi dalam filem *munafik*. Oleh itu, pengkaji lebih berminat dalam membuat kajian serta menyelidiki dalam filem-filem luar yang lebih terkenal sehingga menolak ketepi filem tempatan. Dalam pada masa yang sama, pengkaji ingin mengetengahkan kajian yang lebih terperinci berkenaan filem tempatan yang terkenal di Malaysia iaitu filem *Munafik* arahan Shamsul Yusof. Filem ini telah berjaya menarik minat ramai penonton kerana dapat memberikan kesan yang mendalam kepada penonton.

Tidak dapat dinafikan lagi, analisis kesan bunyi yang digunakan dalam filem munafik kurang mendapat sambutan untuk membuat kajian. Namun begitu, ini menarik minat saya untuk membuat kajian ini. Memang terdapat banyak kajian yang dibuat untuk kesan bunyi filem seram, tetapi kajian khusus penggunaan kesan bunyi dalam filem munafik tidak mendapat sambutan para pengkaji.

## 1.2 LATAR BELAKANG KES

Bunyi merupakan salah satu elemen penting dalam filem *munafik*. Terdapat tiga aspek bunyi yang penting dalam filem munafik iaitu bunyi efek, dialog, muzik, bunyi persekitaran atau dikenali dengan noise. Fungsi bunyi dalam skrin juga memberikan penonton maklumat atau keterangan untuk memahami jalan cerita munafik. Bunyi yang mengiringi setiap imej pada babak dan adegan filem adalah penting bagi melahirkan atau menghasilkan suasana, rentak emosi, suspen dan kejutan terhadap penonton.

Selain itu, bunyi juga berfungsi sebagai pendukung untuk membina mutu dan kekuatan dramatik sesebuah filem. Ini bertujuan untuk menarik sentimen emosi penonton untuk mengikuti keseluruhan filem tanpa rasa jemu. Bunyi yang dihasilkan juga mengikut sesuatu keadaan sama ada berkeadaan romantik, sedih, kecewa, ceria, marah dan sebagainya. Ia juga dihasilkan mengikut ruang dan waktu yang sesuai.

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat bentuk persoalan kajian yang digunakan untuk mencapai objektif yang tepat serta mengikut kesesuaian dengan tajuk kajian ini. Antara beberapa persoalan kajian yang telah dikenalpasti ialah:

- I. Apakah elemen utama bunyi dalam filem *munafik* arahan Shamsul Yusof
- II. Apakah masalah yang timbul sekiranya penggunaan bunyi tidak ditekankan dalam filem *munafik*

### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian mempunyai objektif yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji telah mengenalpasti beberapa matlamat dalam kajian ini antaranya ialah:

1. Menganalisis perkembangan filem seram yang pertama ditayangkan hingga filem seram *munafik*
2. Menganalisis peranan utama filem seram *munafik* kepada penonton di era baru .

### 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah satu batas kajian yang telah ditetapkan untuk melakukan sebarang penyelidikan. Filem *munafik* arahan Shamsul Yusof menjadi fokus utama kerana masih kurang kajian yang memberikan penekanan terhadap kesan bunyi yang digunakan dalam filem ini. Filem *munafik* ini memiliki keistimewaan yang tersendiri kerana telah memenangi anugerah di Malaysia mahupun Indonesia. Oleh sebab itu, filem ini telah menjadi daya tarikan kepada pengkaji untuk mengkaji kesan bunyi yang digunakan dalam filem *munafik*.

Skop kajian yang dilakukan untuk pengkaji membuat penyelidikan secara tepat dan mengikut kehendak serta memperoleh keputusan yang tepat.

### **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Bunyi merupakan elemen penting di dalam sebuah filem. Terdapat tiga aspek bunyi yang penting dalam filem iaitu muzik, bunyi persekitaran, dialog, bunyi efek. Fungsi bunyi dalam skrin juga memberikan penonton maklumat atau keterangan untuk memahami jalan cerita atau plot dalam sesebuah filem. Bunyi yang mengiringi setiap imej pada adegan filem adalah penting bagi melahirkan atau menghasilkan suasana, rentak emosi, suspend an kejutan terhadap penonton.

### **1.7 KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kajian ini telah merangkumi aspek bunyi dalam filem *munafik*. Elemen-elemen bunyi yang dikaji adalah bunyi persekitaran, muzik, dan bunyi efek. Daripada kajian ini pengkaji cuba memahami peranan bunyi tersebut dalam mencipta mood di dalam filem *munafik*. Akhir sekali, bunyi boleh disifatkan sebagai getaran dalam sesuatu jisim, zarah atau objek yang dapat dirasai oleh deria pendengaran manusia.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan beberapa hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu khususnya yang berkait rapat dengan kajian tentang kesan bunyi yang digunakan dalam filem seram. Hal ini kerana, sorotan kajian memainkan peranan yang penting dalam membantu menghasilkan sesebuah penulisan yang baik dan berkualiti. Kebanyakan sorotan kajian yang dianalisis diperoleh melalui sumber rujukan perpustakaan iaitu Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Teknologi Mara. Manakala bagi bahan-bahan kajian pula, pengkaji mengambil inisiatif dengan merujuk buku tentang audio, Kamus Dewan, dan tesis yang dihasilkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Doktor Falsafah dengan bertunjangkan kepada konteks peranan bunyi atau muzik dalam filem genre seram khususnya. Antara sorotan kajian yang diaplikasikan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

## 2.1 Artikel/ Jurnal

Walaupun genre filem seram adalah popular di Malaysia, namun pengkajian sarjana dalam genre ini masih kurang. Kebanyakan sarjana filem tempatan lebih tertumpu kepada filem secara umumnya dan bukan genre filem khasnya. ketidaktumpuan ini dibuktikan dengan beberapa sarjana filem seperti Abi (1987) melalui buku beliau *Filem Melayu: Dahulu dan Sekarang*, Hatta Azad Khan (1997) melalui buku beliau *The Malay Cinema*, William Van Der Heide (2002) melalui buku beliau *Malaysian Cinema, Asian Film*, Hamzah Hussin (2004) melalui buku beliau *Dari Keris Film ke Studio Merdeka*, Aimi Jar dan Mohd Zamberi (2009) melalui buku mereka *Bermulanya Filem Melayu*, Hassan Abd Muthalib (2013) melalui buku beliau *Malaysian Cinema in Bottle: A Century (and a Bit More) of Wayang dan Jins* Shamsudin (2014) melalui buku beliau *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah*. Keenam-enam sarjana ini mengutarakan sejarah perkembangan filem Malaysia secara umum tanpa memilih genre yang bermula dari zaman British sehinggalah ke hari ini.

Kekurangan pengkajian filem bergenre ini di Malaysia juga terbukti melalui Baharuddin Latif melalui buku beliau *Krisis Filem Melayu* (1983) membincangkan mengenai krisis-krisis yang di alami oleh filem Melayu serta industri perfileman Malaysia. Antaranya ialah konflik penubuhan Perbadanan Filem Nasional (FINAS) dan ketandusan penerbitan filem dalam industri filem tempatan. Kemasukan bakat asing mencabar anak-anak tempatan, filem-filem yang diharamkan sejak 1974 sehingga 1982, keganasan dalam filem dan mengenali garis panduan menulis skrip merupakan fokus buku ini. Manakala Anuar Nor Arai (2007) pula dalam buku beliau *Kumpulan Esei dan Kritikan Filem* membicarakan secara analisis tekstual beberapa filem sekitar tahun 1960an hingga 2000an seperti aspek kemasyarakatan, politik, pengarahan, sinematografi dan lain-lain lagi. Sarjana-sarjana ini membuktikan bahawa filem seram sebagai satu genre kurang diberi fokus.

Seterusnya, kekurangan pengkajian ini dibuktikan pula dengan William Van Der Heide (2002) melalui buku beliau *Malaysian Cinema, Asian Film* yang mengulas mengenai kemasukan filem-filem asing ke Malaysia seperti dari Barat, China dan India serta budaya dan masyarakat Malaysia dalam filem dan perkembangan industri perfileman Malaysia. Manakala Jins Shamsudin (2014) pula melalui buku beliau *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah* membicarakan mengenai konsep dan proses dalam penerbitan filem, pengaruh bangsawan terhadap filem Melayu, filem sebagai manifestasi budaya, filem sebagai rakaman bahasa, filem sebagai rakaman sejarah dan filem Melayu sebagai perakam budaya dan sejarah negara.

Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas ini, kajian mengenai filem seram dilihat lebih tertumpu kepada filem secara umum, pengarahannya, rakaman budaya melalui filem dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, artikel sejarah perkembangan filem seram ini mampu menambah nilai dalam ilmu kajian filem seram secara khususnya, kajian literatur filem seram dan industri perfileman di Malaysia secara amnya.

### 2.1.1 Sejarah Dan Perkembangan Filem Seram Melayu

Kesinambungan daripada memasukkan filem-filem dari Barat merupakan sejarah dan perkembangan filem seram melayu (Hatta Azad Khan 1997, Mohd Nasif Badruddin 2007, Aimi Jar & Zamberi A. MALEK 2009) Hal ini berlaku kerana lambakan memasukkan filem-filem dari Barat di Tanah Melayu pada ketika itu apabila terbinanya pawagam. Pawagam yang pertama di Tanah Melayu ialah Alhambra yang terletak di Singapura pada tahun 1907 oleh lelaki inggeris, Willis (Hatta Azad Khan 1997). Kemudian sekitar tahun 1930an ia diikuti oleh dua beradik dari Shanghai yang membina pawagam iaitu, Runme Shaw dan Run Run Shaw (Jins Shamsudin 2004). Pembinaan pawagam ini telah memberi ruang kepada perkembangan industri perfileman Malaysia dengan memasukkan filem-filem dari Barat dan diikuti oleh Megara Asia lain seperti India, Asia Barat, Indonesia dan China. Antaranya filem lawak *Charlie Chaplin* (Aimi Jar & Zamber A. Malek 2009).

Pada sekitar 1940an boleh dikatakan bermulanya filem seram di Malaysia. Terdapat satu rekod filem seram dari Indonesia yang dibawa masuk ke Tanah Melayu selepas pawagam dibina dan sebelum perang jepun bermula di Tanah Melayu ketika itu filem *Srigala Item* (1941) menurut Hatta Azad Khan (1997). Pada ketika itu, pengkelasan genre amat menyukarkan untuk dikesan dan dikenalpasti untuk filem. Namun demikian, tiada sebarang rekod mengenai tajuk filem-filem seram dari Barat yang dibawa masuk ke Tanah Melayu pada ketika itu.

Sebagaimana di Eropah dan Hollywood, filem seram Melayu dihasilkan berdasarkan cerita-cerita mitos dan lagenda masyarakat Melayu. Dalam filem seram Melayu pengaruh kepercayaan tentang hantu menjadi tunjang utama (Aimi Jar & Zamber A. Malek 2009). Menurut (Norman Yussof 2013) pada awalnya filem seram di Tanah Melayu (Malaysia) banyak dipengaruhi oleh filem seram dari India memandangkan prosuder dan



pengarah filem ketika itu datang dari India. Namun begitu, Tanah Melayu masih memiliki keistimewaan serta keunikan yang tersendiri berdasarkan budaya serta kepercayaan Melayu. Sebagai contohnya, masyarakat Melayu amat mempercayai Pontianak yang banyak dijadikan plot penceritaan filem seram. Filem seram *Pontianak* arahan BN Rao merupakan filem seram yang pertama dihasilkan dan diterbitkan pada tahun 1957 (Mohd Nasif Badruddin 2007). Filem sera mini bertemakan hubungan seorang ibu dan anak perempuan yang menampilkan pelakon Maria Menado sebagai watak Pontianak. Filem ini pernah menyertai Anugerah Festival Filem Asia Pasifik di Tokyo pada tahun 1957. Filem ini juga mendapat sambutan yang hebat oleh penonton sehingga pecah panggung di Asia (Mohd Nasif Badruddin 2007).

Filem Pontianak ini mengisahkan watak Comel yang ingin kelihatan cantik. Comel telah membuat ramuan kecantikan mengikut resepi yang terdapat dalam buku ayah beliau. Setelah ramuan itu siap, Comel meminumnya ketika bulan mengambang dan beliau bertukar menjadi cantik. Namun kecantikan yang dirasai oleh Comel itu tidak kekal lama apabila beliau terminum darah suaminya. Antara pantang larang ramuan kecantikan bapanya itu adalah dilarang meminum darah atau merasa darah. Comel terminum darah suaminya ketika cuba membantu suaminya yang dipatuk ular setelah terpaksa menghisap bekas patukan ular itu supaya bisanya dapat dikeluarkan. Setelah merasa darah suaminya, beliau menghisap darah suaminya itu semahunya sehingga suaminya meninggal. Comel kemudiannya bertukar menjadi pontianak serta mengganggu orang kampung akibat ketagih untuk meminum darah (White 1997). Akibat dari kejadian itu, kampung tersebut tidak lagi aman. Namun demikian, Comel kerap berjumpa dengan anaknya untuk memberikan makanan yang diambilnya di hutan. Skrip filem Pontianak ini merupakan hasil kerjasama Maria Menado dengan bekas suaminya, A. Razak Sheikh Mohamed. Maria Menado yang berasal daripada Indonesia membekalkan cerita-cerita pontianak yang pernah didengarnya sewaktu di Indonesia dan mereka menjalinkan plot filem itu bersama-sama (White 1997).

Filem Pontianak ini ditayangkan di pawagam Cathay selama dua bulan (White 1996; Hamzah Hussin 2004). Menurut White (1996), pawagam Cathay adalah pawagam khusus untuk filem Hollywood. Perkara ini adalah suatu pencapaian yang menakjubkan ketika itu kerana filem Pontianak ini menjadi filem Melayu pertama yang ditayangkan di pawagam tersebut (White 1996). Seterusnya, filem ini mendapat sambutan yang luar biasa sehingga ke seluruh Malaya, Sarawak dan Brunei. Menurut Hamzah Hussin (2004), kejayaan filem Pontianak ini membuatkan filem ini dialih bahasa ke bahasa Kantonis, kemudian diedarkan untuk tayangan di Hong Kong pada tahun 1958. Pada tahun 1960, filem ini telah dijual kepada sebuah stesen TV di Amerika yang menjadikan filem ini sebagai mewakili Tanah Melayu dalam program Tayangan Filem Asia (Hamzah Hussin 2004).

Namun sayangnya, filem Pontianak ini tidak dapat ditayangkan untuk generasi hari ini kerana produsernya sendiri iaitu Ho Ah Loke telah membuangnya ke dalam lombong di Kuala Lumpur kerana kecewa filem ini tidak dapat ditayangkan lagi selepas Maria Menado berkahwin dengan Sultan Pahang pada ketika itu (White 1997). Akibat perkahwinan ini, Majlis Raja-Raja Pahang pada ketika itu mengeluarkan perintah bahawa filem terbabit tidak boleh ditayangkan di Pahang. Selain itu, menurut M. Amin & Wahba (1998) Ho Ah Loke juga tidak mempunyai ruang yang cukup untuk menyimpan filem terbabit.

Maria kemudiannya berlakon dalam dua susulan filem Pontianak ini iaitu Dendam Pontianak (1957) dan Sumpah Pontianak (1958) (M. Amin & Wahba 1998). (White 1997). Pada tahun 1950an sahaja terdapat lapan filem seram yang dihasilkan di Tanah Melayu termasuklah filem-filem lakonan Maria Menado ini (Abi 1987). Antara filem-filem seram lain pada tahun 1950an adalah filem Sumpahan Orang Minyak (1958), Orang Minyak (1958) dan Orang Licin (1958) arahan L. Krishnan, Hantu Kubur arahan Chew Cheng Kok

(1959) (Abi 1987). L. Krishnan boleh dikatakan sebagai pengarah filem seram yang utama pada ketika itu. Anak Pontianak menyusul pada tahun 1958. Filem ini merupakan adaptasi daripada filem seram Kemudian, filem awal Barat iaitu Nosferatu (1922) yang memaparkan vampire (pontianak) sebagai hantu

Menurut M. Amin & Wahba (1998), pada era 1950an dan 1960an, pengarah-pengarah Melayu tidak begitu memberi tumpuan kepada genre seram dalam penghasilan filem-filem mereka. Filem-filem yang bergenre seram ini lebih banyak dihasilkan oleh pengarah bukan Melayu seperti Chew Cheng Kok, L. Krishnan, B.N Roa dan Ramon Estella. Hal ini kerana pengarah-pengarah Melayu pada ketika itu lebih tertumpu kepada filem-filem yang bersifat kemasyarakatan seperti filem Kasih Sayang Tanpa Batas (1963), Jeritan Batin (1964) dan Dahaga (1966); filem-filem bercorak komedi seperti filem Pendekar Bujang Lapok (1959), Nujum Pak Belalang (1959) dan Seniman Bujang Lapok (1961); filem-filem bersifat keagamaan seperti filem Semerah Padi (1956), Isi Neraka (1960) dan Batu Derhaka (1962); dan cerita-cerita rakyat seperti filem Puteri Gunung Tahan (1959), Anak Buluh Betong (1966) dan Puteri Gunung Ledang (1961) (M. Amin & Wahba 1998).

Menurut M. Amin & Wahba (1998), pada era 1950an, pengarah-pengarah melayu tidak begitu memberi tumpuan kepada genre seram dalam penghasilan filem-filem mereka . Masalah-masalah ini telah teruk menenggelamkan filem-filem seram pada ketika itu. Kejatuhan ini dapat dilihat dengan penghasilan filem seram pada tahun 1960an yang semakin merosot . Pada tahun 1960an hanya lima buah filem seram dihasilkan iaitu filem L. Krishnan 1960), Mata Syaitan (Husein Haniff 1962), Pontianak Kembali (B. N. Roa 1963), Pontianak Gua Musang (Ramon Estella 1964) dan Keranda Berdarah (M. Amin 1969) berbanding lapan filem seram pada tahun 1950an (Abi 1987). Masalah ini semakin meruncing pada tahun 1967 hingga 1970an. Kejatuhan filem Melayu ketika itu memberi kesan kepada pengusaha-pengusaha filem Melayu. Pada tahun 1967, Shaw Brothers dan

Cathay Keris bertindak menutup syarikat masing-masing kerana tidak mahu menanggung kerugian (Abi 1987). Masalah ini terjadi kerana penonton sudah mula pandai membeza kualiti filem Melayu dan filem Barat ketika itu. Selain itu juga, kehadiran televisyen membuatkan penonton memilih untuk menonton TV daripada keluar ke panggung wayang dan berasak-asak bagi menonton filem. Faktor ini memberi impak yang besar dalam industri perfileman Malaysia (M. Amin & Wahba 1998).

Namun, pada awal 1960an, industri perfileman di Malaysia mula mengalami kejatuhan. Kejatuhan ini terjadi kerana kemasukan teknologi baru ketika itu iaitu televisyen (Abi 1987). Masalah kejatuhan ini bukan sahaja dialami di Malaysia malah di Amerika Syarikat juga kerana filem perlu bersaing dengan populariti televisyen pada ketika itu (Abi 1987). Walaupun demikian, kesan kejatuhan industri filem di Malaysia pada ketika itu lebih dirasai kerana lambakan kemasukan filem-filem asing khususnya filem dari Barat yang menawarkan kehebatan dan mutu filem yang lebih baik (M. Amin & Wahba 1998). Masalah-masalah ini telah teruk menenggelamkan filem filem seram pada ketika itu. Kejatuhan ini dapat dilihat dengan penghasilan filem seram pada tahun 1960an yang semakin merosot (Abi 1987). Pada tahun 1960an hanya lima buah filem seram dihasilkan iaitu filem Hantu Rimau (L. Krishnan 1960), Mata Syaitan (Hussein Haniff 1962), Pontianak kembali (B. N, Roa 1963), Pontianak Gua Musang (Ramon Estella 1964), dan Keranda Berdarah (M. Amin 1969) berbanding lapan filem seram pada tahun 1950an (Abi 1987).

Pada tahun 1980an, filem seram Malaysia cuba untuk bersinar kembali apabila Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) ditubuhkan pada tahun 1981 (Lent 1990). Punca utam tertubuhnya FINAS adalah kerana masalah dan halang yang dihadapi oleh para pengusaha filem Malaysia yang memerlukan perhatian yang serius dari pihak kerajaan (Lent 1990). Kerajaan memutuskan bahawa industry perfileman Malaysia memerlukan galakkan, dipelihara dan diberi laluan yang sepatutnya bagi meningkat kemajuan filem Malaysia (M.

Amin & Wahba 1998). Atas keperhatinan kerajaan ini maka lahirlah Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada tahun 1981 (Akta 244) (Lent 1990). Akta 244 ini menggariskan peranan utama FINAS iaitu menyediakan peluang dan kemudahan dalam apa juga bentuk yang munasabah untuk dimanfaatkan oleh para pengusaha filem tempatan (M. Amin & Wahba 1998). Kesan daripada keprihatinan kerajaan ini, filem seram kembali mewarnai industri perfileman Malaysia pada tahun 1980an iaitu sebanyak lapan filem seram telah ditayangkan. Antaranya ialah filem *toyol* (1980) arahan Malik Selamat, *Mangsa* (1981) arahan Zalina Mohd Som, *Setingan* (1982) arahan Aziz Satar, *Dendam dari Pusaka* (1983) arahan Datuk Ahmad Mahmood dan lain-lain.

Sejak itu, penghasilan filem seram semakin berkembang pesat. Bermula tahun 2004, empat filem bergenre seram Berjaya ditayangkan iaitu, *I Know What You Did Last Raya*, *Tujuh Perhentian*, *Pontianak Harum Sundal Malam*, dan *Di Ambang Misteri* yang mendapat kutipan RM7.85 juta secara keseluruhannya (FINAS 2014). Kecemerlangan itu diteruskan dalam tahun-tahun seterusnya sehingga tahun 2014 yang menyaksikan sebanyak 95 buah filem seram dalam pelbagai sub-genre seram diterbitkan sehingga bulan November 2014 (FINAS 2016). Pencapaian ini menunjukkan genre seram mini masih dan tetap mempunyai peminatnya tersendiri. Pencapaian ini juga selaras dengan kata-kata mantan Ketua Pengarah FINAS, Mohd Muhyidin Mustakim ketika majlis pelancaran Pameran Filem Seram 2009 di Galeri Perfileman Finas (Abd. Aziz Itar 2009). Beliau berkata “ Sudah 3 tahun industri perfileman tidak menerbitkan filem seram, inilah masanya yang sesuai untuk kita kembalikan kegemilangan filem seram seperti yang pernah kita capai pada tahun 1950an keluaran *Cathay Keris* dan *Malay Film Production* dulu” (Abd. Aziz Itar 2009).

Filem bergenre seram ini semakin berkembang pesat dalam kalangan penonton selepas melalui era perubahan yang ketara dalam teknologi kesan visual. Sebagai contoh teknik *tatarias* (make-up) dan teknik *Computer Generated Imagery* (CGI) dalam representasi

pemparan watak hantu seperti dalam filem Pontianak Harum Sundal Malam (2004), Karak (2011), Munafik (2016) dan lain (Ridzuan Abdul Rahman 2015). Kesan CGI contohnya digunakan untuk memaparkan watak wanita yang masuk dalam keadaan terapung-apung di awangan dalam filem-filem ini. Justeru, kesan-kesan visual ini telah membantu filem genre sera mini untuk mendapat kesan seram yang lebih dramatic terhadap watak hantu mahupun perjalanan penceritaan filem itu sendiri. Oleh hal yang demikian, boleh dikatakan filem seram di Malaysia telah berusia hamper 60 tahun. Walaupun mengalami jatuh bangun dalam industri perfileman Malaysia, namun filem bergenre ini tetap mendapat sambutan daripada peminatnya.

### **2.1.2 Sejarah Filem Genre Seram Eropah dan Hollywood**

Perkembangan filem seram Eropah dan Hollywood banyak bergantung kepada mitos dan cerita rakyat tempatan. Walaupun banyak perspektif mengenai sejarah filem seram, secara amnya genre seram boleh dikatakan telah bermula sejak dua abad yang lalu. Genre seram bermula dengan mitos bahawa penciptaan awal manusia dalam semua budaya adalah dihuni oleh roh-roh jahat dan kegelapan (Lovecraft 1927). Menurut Jones (2002), mitos awal ini berlatarkan kisah Nabi Ibrahim dan negara Mesir serta berkisar tentang cerita tentang dunia ghaib dan alam roh yang dihormati dan ditakuti oleh masyarakat. Beliau mengatakan bahawa mitologi klasik ini dipenuhi dengan raksasa atau makhluk luar biasa seperti Cereberus, Minotaur, Medusa, Hydra, Sirens, Cyclops, Scylla dan Charybdis dan lain-lain. Selain itu, genre seram juga dipercayai bermula dengan kepercayaan penyembahan nenek moyang dan pemujaan orang-orang mati yang bermula daripada Dinasti Zhou di China iaitu 1500 tahun SM yang lalu (Jones 2005). Oleh itu, dapat dikatakan bahawa setiap budaya



mempunyai satu set cerita berurusan dengan “the other” atau makhluk lain selain manusia dalam genre seram ini.

Tambahan pula, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa filem seram bermula dengan cerita dongeng dan mitos rakyat. Menurut Lovecraft (1927), cerita-cerita dongeng ini memprovokasi masyarakat sehingga terbitnya novel seram bagi menggambarkan cerita-cerita dongeng ini. Oleh yang demikian, genre seram moden hari ini boleh dikatakan telah berusia sekitar 200 tahun. Apabila cerita dongeng, mitos dan mitologi rakyat dinovelkan, genre seram ini semakin berkembang. Novel seram ini diadukkan dengan elemen fiksi, seram dan percintaan (romance) (Ellis 1979). Perkataan seram (horror) yang pertama digunakan adalah dalam novel seram tulisan Horace Walpole's (1764) yang bertajuk *The Castle Otranto* (Lovecraft 1927). Novel ini penuh dengan kejutan ghaib dan melodrama misteri. Novel ini telah menjadi titik permulaan kegilaan genre seram dengan apa yang dipanggil harini sebagai gothic (Lovecraft 1927). Seterusnya, penulis novel seperti Ann Radcliffe (*The Mysteries of Udolpho*) (1794) dan Matthew Gregory Lewis (*The Monk*) (1796) mengambil genre ini ke tahap yang baru dari sudut penceritaan seram dan elemen suspen bagi mendapatkan sambutan yang lebih lagi dari peminat-peminat novel seram pada ketika itu (Jones 2002). Justeru, boleh dikatakan bahawa genre seram dikembangkan dari cerita dongeng dan mitos-mitos rakyat yang kemudiannya dibukukan menjadi novel.

Selama setengah abad setelah novel *The Castle Otranto* (1764) dikeluarkan, novel seram mendapat permintaan yang tinggi dalam masyarakat. Kemudian, zaman pencerahan iaitu di awal abad kesembilan belas telah memberi laluan kepada pemikir baru. Salah seorang penyair dalam gerakan percintaan (romance movement) daripada kerabat Coleridge iaitu Christabe (*The Rime of the Ancient Mariner*) dan Goethe (*the Erlking*) telah mencerminkan gerakan emosi yang kuat melalui sisi gelap manusia dalam syair mereka (Jones 2002). Mereka ini menyedari bahawa rasa takut dan kagum adalah rasa yang sangat

berbeza daripada perasaan biasa. Kesedaran ini telah membuatkan masyarakat bertambah minat dengan genre seram. Novel klasik seram gothic pertama iaitu Frankenstein, 1818 telah ditulis oleh gerakan percintaan (romance movement) ketika itu iaitu Mary Shelley (Jones 2002). Justeru genre seram dikembangkan kepada seram gothic dan ia boleh dikatakan telah bermula sejak abad ke-18 dan 19 melalui karya sastera novel inggeris. Penceritaan novel ini telah dipaparkan dalam filem arahan Mary Shelley. Frankenstein (1931) dan Bram Stoker, Dracula (1931).

Akibat daripada pengaruh novel seram gothic ini, filem seram pertama di dunia telah dikeluarkan sekitar tahun 1896 oleh Georges Melies yang bertajuk *Le Mannoir du Diable* (*The Devil's Castle*) (Ellis & Virginia 2002). Menurut Ellis & Virginia (2002), filem ini hanya mengambil masa lebih kurang tiga (3) minit dengan menceritakan seekor kelawar yang telah masuk ke dalam sebuah istana purba dan bertukar menjadi pontianak. Pontianak ini kemudian menjelmakan pelbagai makhluk-makhluk lain seperti hantu wanita, nenek kebayan (witches) dan lain-lain lagi menggunakan kuasanya untuk mengganggu pengawal istana tersebut. Pada akhir filem ini, salah seorang daripada pengawal istana tersebut telah memegang salib untuk membuatkan pontianak itu hilang. Antara elemen-elemen seram yang diklasifikasikan sebagai gothic dalam filem ini adalah latar tempat di dalam istana yang besar, suasana misteri dan suspen, barangan purba, adanya perkara ghaib, lelaki yang zalim dan suasana yang suram dan seram (Botting 1996). Namun, pada ketika itu filem bisu atau silent movie ini dikatakan mempunyai kualiti filem yang agak rendah. Namun, bagi filem yang sudah berusia lebih 100 tahun ini, ianya sudah cukup mengujakan khalayaknya ketika itu. Pada tahun 1890-an, filem seram pertama ini menampilkan visual melalui pelukis ekspresi dan fotografi tahun 1860-an serta gaya naratif mereka yang diambil daripada kesusasteraan gothic (Lovecraft 1927). Pembuat filem menggunakan sumber cerita dongeng dan legenda di Eropah dan merubah raksasa ke (Lovecraft 1927).



Pada ketika itu juga pembuat filem menggunakan fotografi yang dipanggil Fotografi Roh (Spirit Photography) iaitu amalan menggunakan pendedahan dua atau super impose untuk menggambarkan hantu dalam bingkai filem (Lovecraft 1927). Fotografi Roh ini adalah fotografi yang dilakukan dengan meletakkan gambar bayang hantu ke atas gambar atau bingkai filem bagi menimbulkan kesan seram dan takut. Penggunaan fotografi ini popular dari tahun 1860-an sehingga 1933 (Taylor 2008). Antara filem-filem seram awal yang menggunakan kaedah fotografi roh ini adalah filem *Le Manoir du Diable* (1896), *Nosferatu* dan lain-lain lagi. Antara filem-filem seram awal abad ke-19 lainnya adalah seperti *The Cabinet Of Dr Caligari* (1919), *The Golem* (1915/1920) dan *Nosferatu* (1922) Genre seram ini telah menjadi genre yang popular dalam industri perfileman dunia ketika (1922).

Genre seram ini telah menjadi genre yang popular dalam industry perfileman dunia ketika era emas industry perfileman Hollywood iaitu sekitar tahun 1930an (Ellis. 1979, Ellis & Verginia 2002, Dirks 2011, Jewell 2007). Banyak filem seram yang dihasilkan pada ketika itu yang diilhamkan daripada novel gothic seperti *Dracula* 1931, *Frankenstein* (1931), *M* (1931, Ger.), *Dr. Jekyll and Mr. Hyde* (1932), *Freaks* (1932) dan lain-lain. Pada ketika itu, pengarah menggambarkan raksasa menggunakan seorang pelakon yang tatarias menggunakan teknik solekan yang menyeramkan (Prince 2004). Selain itu penceritaan filem seram sewaktu era ini juga cenderung untuk berakhir pada titik noktah yang selesa (Price 2004). Contohnya, raksasa atau monster dimusnahkan dan pasangan romantis terselamat tanpa sebarang luka. Hal ini kerana pengakhiran seperti ini adalah tetapan dari ideology patriarki yang menginginkan happy ending dalam filem (Azlina Asaari & Jamaluddin Aziz 2013; Jamaluddin Aziz & Azlina Asaari 2014).

## 2.2 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, filem seram melayu di Malaysia adalah kesinambungan daripada perkembangan pawagam dan kemasukkan filem-filem seram dari barat. Namun, penghasilan filem seram pertama yang dihasilkan di Tanah Melayu adalah Pontianak yang dikeluarkan pada tahun 1957. Kemudian filem seram di Malaysia berkembang dengan beberapa lagi pengeluaran filem seram dalam tahun 1950an dan tahun 1960an. Pada tahun ini juga menjaddi era emas filem seram melayu. Namun 1960an menjadi tahun kejatuhan filem seram Malaysia apabila industri perfileman terpaksa bersaing dengan teknologi baru iaitu televisyen tahun 1980an, filem seram Malaysia mendapat sinar kembali dengan penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Namun pada tahun 1990an , sekali lagi filem genre ini mengalami kejatuhan apabila Lembaga Penapisan Filem (LPF) menggariskan jika filem yang mempunyai unsur-unsur tahyul dan memeson akidah tidak boleh ditayangkan. Tahun 2004 sekali lagi filem seram mendapat sinar baharu apabila LPF melonggarkan syarat terbitan flem.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), metodologi membawa maksud sesuatu perkara yang melingkupi segala prinsip dan kaedah yang digunakan dalam sesuatu disiplin dan kegiatan yang berkaitan. Metodologi kajian juga merupakan sebuah proses yang penting dalam menghasilkan sesuatu kajian yang bersifat ilmiah dan relevan di mana ianya merangkumi kaedah, cara, serta pendekatan ataupun pengkaedahan yang digunakan untuk menggapai setiap persoalan dan objektif yang telah dikemukakan. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai tatacara penyelidikan yang digunakan sepanjang kajian dijalankan dengan mengemukakan beberapa kaedah kajian dan juga kerangka teori yang menjadi landasan utama bagi menyiapkan kajian ini. Justeru itu, pengkaji telah menyusun dan mengatur strategi-strategi yang akan digunakan bagi memperoleh data serta maklumat melalui beberapa kaedah tertentu. Antara fokus utama yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah mengenai reka bentuk kajian, tatacara kajian yang merangkumi proses pengumpulan data dan juga analisis kajian, serta penggunaan teori.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan salah satu pelan pelaksanaan yang memberi gambaran secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dilakukan (Sabitha, 2006). Ia juga berfungsi sebagai rujukan dalam membantu menyiapkan penyelidikan ilmiah yang dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk melakukan pengkajian secara kualitatif yang merangkumi proses pengumpulan data dengan memilih beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk tugas sebagai data dalam sorotan kajian.

#### **3.1.1 Kaedah Kualitatif**

Pengkaji telah menggunakan kajian secara kualitatif bagi menyiapkan tugas ini. Kaedah pencarian maklumat melalui kaedah kepustakaan, teks, internet, dan teori telah dijalankan bagi melengkapkan kajian dengan sempurna. Bagi kaedah kepustakaan, pengkaji telah membuat rujukan ke perpustakaan untuk mencari maklumat-maklumat mengenai kajian tentang kesan bunyi yang digunakan dalam filem seram munafik di mana pengkaji telah pergi ke perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk mencari sumber-sumber dalam menyiapkan kajian mengenai bunyi yang digunakan.

### 3.1.2 Pengumpulan Data

Pengumpulan data merujuk kepada proses menghimpun, mengumpul, dan menyimpan data serta segala maklumat-maklumat yang diperolehi berkaitan dengan isu dan juga permasalahan kajian yang dikaji. Dalam proses pengumpulan data, pengkaji telah melakukannya secara berperingkat agar kajian yang dijalankan itu menepati piawaian yang ditetapkan di samping dapat menghasilkan kajian yang bersifat ilmiah.

### 3.1.3 Perpustakaan

Kaedah kepustakaan atau lebih dikenali sebagai Library Research merupakan suatu kaedah yang menjadi pilihan para pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat-maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Kaedah ini merupakan satu usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk menghimpun dan mengumpul segala maklumat yang bersesuaian dengan tajuk kajian di mana prosesnya melibatkan pembacaan dan sumber rujukan yang diperolehi daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan lepas, fakta-fakta, dan sumber-sumber bertulis yang lain. Kesemua data yang dikumpul akan menjadi panduan kepada pengkaji dalam menyempurnakan kajiannya agar dapat menghasilkan kajian yang relevan dan bersifat ilmiah. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menggunakan kaedah ini di mana pengkaji telah mengunjungi Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Perpustakaan Awam Kelantan bagi mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan. Pengkaji juga telah mendapatkan buku-buku yang berkaitan dengan tajuk kajian melalui pertolongan daripada pihak perpustakaan.

### **3.1.4 Rujukan Internet**

Seterusnya, pengkaji juga telah menggunakan kaedah internet dalam menyempurnakan kajian yang dijalankan. Kaedah internet merupakan salah satu cara di mana laman sesawang menjadi sumber kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hal ini kerana, rujukan yang diperoleh daripada kaedah internet yang tidak terbatas hadnya dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat dengan lebih luas dan terkini berkaitan dengan skop kajian. Lazimnya, maklumat-maklumat tambahan ini dicari melalui laman web yang dipercayai akan kesahihan dan kebenarannya seperti google scholar. Selain itu, kaedah ini juga digunakan untuk mencari contoh-contoh kajian lepas yang bersesuaian dengan tajuk kajian untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi menghasilkan kajian yang memenuhi kehendak piawaian yang ditetapkan. Oleh itu, segala maklumat dan data yang diperoleh melalui kaedah internet ini akan disimpan dan dikumpul untuk dimuatkan dalam penghasilan kajian.

### **3.1.5 Temu Bual**

Temubual adalah kaedah dimana penyelidik akan dapat memperoleh secara atas talian daripada subjek yang dikaji sebagaimana penggunaan kaedah soal selidik. Kaedah temubual biasanya digunakan bagi memperoleh maklumat-maklumat seperti fakta sesuatu kejadian, amalan dan kepercayaan, perasaan, kehendak yang diperlukan oleh penyelidik bagi mencapai objektif sesebuah penyelidikan yang dilakukan. Menurut Patton (1980), tiga jenis teknik temubual yang biasa digunakan oleh penyelidik iaitu temubual formal, temubual tidak formal, dan temubual terbuka. Terdapat juga tiga jenis temubual yang dikatakan oleh Fontana dan Frey (1994) iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak

berstruktur. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian ini bagi mengetahui tentang kesan bunyi yang digunakan dalam filem seram munafik.

### **3.2 Kesimpulan**

Kesimpulannya, pelbagai kaedah yang telah dilakukan bagi mengumpul maklumat atau data untuk menghasilkan tugas yang baik. Walaupun terdapat kekangan daripada penularan pandemik covid 19 ini, ia tidak bermaksud untuk menyekat gerak kerja bagi menyiapkan sebuah tesis yang lengkap. Di sepanjang kajian ini, walaupun negara telah mencapai tahap globalisasi namun masih ramai yang gemar tentang perkara mistik. Terutamanya filem bergenre seram.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 PENGENALAN**

Pengkaji akan mengulas bab ini dengan lebih terperinci dengan menggunakan beberapa kaedah kajian. Maklumat yang lebih terperinci akan dijelaskan dengan menggunakan kaedah kajian lapangan yang telah dijalankan.

Hasil dapatan kajian haruslah berdasarkan objektif yang telah pengkaji kemukakan. Segala maklumat yang telah dikumpul dan dicatat dari kajian ianya perlulah mencapai dan menjawab segala objektif yang telah dikemukakan. Oleh itu, pengkaji perlulah memastikan objektif dan dapatan kajian saling berkait rapat supaya kajian ini tidak tersasar dari tujuan utama. Proses temubual juga telah dilakukan dengan orang yang berkenaan untuk melengkapkan kajian ini. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji mengenai analisis penggunaan kesan bunyi dalam filem seram Munafik ini mempunyai objektif yang tersendiri. Objektif ini perlu dicapai supaya kajian yang dijalankan ini berjaya dan dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Selain itu, kajian ini mempunyai skop dan batasan yang tersendiri supaya pengkaji dapat memfokuskan kepada beberapa objektif sahaja.



## 4.1 DAPATAN KAJIAN

### 4.2 Latar Belakang Responden

Pengkaji telah menemubual responden yang sangat minat dengan filem yang bergenre seram di sebuah tanah perkuburan lama iaitu Encik Amir Bin Irfan. Beliau merupakan salah seorang penjaga tanah perkuburan di daerah Pasir Puteh. Tempat asal beliau juga adalah di daerah sama iaitu Pasir Puteh, Kelantan. Beliau telah bekerja penjaga tanah perkuburan adalah selama 7 tahun. Namun itu adalah pekerjaan sampingan beliau sahaja. Pekerjaan tetap beliau adalah sebagai buruh binaan dan beliau memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

### 4.3 Makna bunyi yang digunakan dalam filem seram *Munafik*

Bunyi merupakan salah satu elemen penting dalam filem *munafik*. Terdapat tiga aspek bunyi yang penting dalam filem *munafik* iaitu bunyi efek, dialog, muzik, bunyi persekitaran atau dikenali dengan *noise*. Fungsi bunyi dalam skrin juga memberikan penonton maklumat atau keterangan untuk memahami jalan cerita *munafik*. Bunyi yang mengiringi setiap imej pada babak dan adegan filem adalah penting bagi melahirkan atau menghasilkan suasana, rentak emosi, suspen dan kejutan terhadap penonton. Bunyi juga berfungsi sebagai pendukung untuk membina mutu dan kekuatan dramatik sesebuah filem. Ini bertujuan untuk menarik sentimen emosi penonton untuk mengikuti keseluruhan filem tanpa rasa jemu. Bunyi yang dihasilkan juga mengikut sesuatu keadaan sama ada berkeadaan romantik, sedih, kecewa, ceria, marah dan sebagainya. Ia juga dihasilkan mengikut ruang dan waktu yang sesuai.

#### **4.4 Peranan bunyi yang digunakan dalam filem seram *Munafik***

Bunyi merupakan salah satu elemen yang penting dalam filem seram *Munafik*. Terdapat beberapa aspek bunyi yang penting dalam filem ini iaitu bunyi efek, muzik, dialog, bunyi persekitaran atau lebih dikenali dengan *noise*. Fungsi bunyi dalam filem *Munafik* ini memberikan maklumat kepada penonton atau keterangan untuk memahami jalinan cerita dan plot dalam filem. Bunyi yang beserta setiap imej pada adegan filem adalah penting bagi melahirkan atau menghasilkan suasana, rentak emosi, suspen dan kejutan terhadap penonton.

Selain itu, bunyi merupakan pendukung untuk membina kekuatan dramatik dalam filem *Munafik*. Hal ini bertujuan untuk menarik sentimen emosi penonton untuk mengikuti keseluruhan filem tanpa rasa jemu. Bunyi yang dihasilkan juga mengikut sesuatu keadaan atau situasi sama ada berkeadaan romantik, sedih, kecewa, gembira, ceria, marah, tragedi, cemas, atau suasana yang menakutkan seperti didalam filem *Munafik* ini. Bunyi juga dihasilkan mengikut ruang dan waktu yang sesuai.

#### **4.5 Perkembangan filem seram yang pertama ditayangkan hingga filem seram *Munafik***

Melihat kepada pertumbuhan dalam industri perfileman Malaysia, terdapat penambahan penerbitan filem-filem bergenre seram. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kejayaan Datin Paduka Shuhaimi Baba dalam mendapat keizinan pihak Lembaga Penapisan Filem (LPF) melalui filemnya *Pontianak Harum Sundal Malam*. Kejayaan yang diraih ini telah mengakibatkan LPF menimbang semula sekatan terhadap filem berunsur seram sejak tahun 1970-. Bermula dengan hanya 2 filem bergenre seram pada tahun 2003, pada tahun 2009, Perbadanan Kemajuan Perfileman Nasional (FINAS) di bawah Skim Wajib Tayang

telah menayangkan hampir 13 buah filem bergenre seram. Peningkatan filem bergenre seram ini tidak dapat dinafikan mampu menyumbang kepada ekonomi negara.

Walau bagaimanapun, perkembangan ini hanya menyumbang kepada ekonomi secara umum dan tidak kepada kualiti penghasilan filem itu sendiri. Daripada segi naratif filem seram dan pembuatannya, hanya beberapa buah filem sahaja yang mencapai tahap yang baik. Filem ini termasuklah filem arahan Mamat Khalid seperti filem *Zombi Kampung Pisang* dan *Hantu Kak Limah Balik Rumah*. Pengarah filem Mamat Khalid menggunakan sub-genre parodi dalam mempersembahkan filem seramnya kepada khalayak. Filem seram yang mendapat kutipan *box office* seperti *Munafik* dalam pada itu hanya memberi kesan emosi melalui kesan bunyi dan teknik suntingan tidak pula daripada aspek naratifnya.


Terdapat juga pandangan bahawa budaya masyarakat kita yang sekian lama dimomokkan dengan kewujudan makhluk seumpamanya menguatkan lagi kepercayaan dan 'kefanatikan' terhadap filem-filem sebegini. Pada masa kini masih ramai penggiat filem dan ahli akademik hairan kenapa dan bagaimana filem *Munafik* mendapat sambutan daripada orang ramai berbanding dengan filem-filem seram lain. Ada yang menyatakan bahawa gambaran seram yang ditonjolkan filem ini lebih berkesan dan menggambarkan realiti.

Meskipun filem-filem cereka Melayu bergenre seram kini telah mengalami transformasi daripada aspek teknikal, namun kecelaruan pada plot dan penceritaan serta elemen kebudayaan yang menaungi sesebuah filem ternyata mengalami kebejatan yang begitu ketara. Produksi kita kini hanya berharap semata-mata kepada segi teknikal yang ditawarkan yang ternyata sudah mencapai tahap antarabangsa.

## 4.6 Keputusan


Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden melalui telefon maka keputusan ini akan bergantung sepenuhnya kepada responden yang menilai. Keputusan yang di dapatkan daripada responden ini merupakan keputusan yang terakhir atas kajian analisis penggunaan kesan bunyi yang digunakan di dalam filem *Munafik*.

### 4.6.1 Bahagian A : Latar belakang responden



Rajah 1 : Carta responden bagi jantina

Hasil kajian melalui borang soal selidik ini, majoriti yang telah memberi maklumbalas dalam borang yang di edarkan secara atas talian terdiri daripada golongan perempuan berbanding golongan lelaki. Hal ini dapat di nilai melalui peratusan yang terdapat di carta pai di mana golongan perempuan sebanyak 52.5%, manakala golongan lelaki hanya 47.5% sahaja. Ini dapat di simpulkan bahawa golongan perempuan lebih meminati filem seram berbanding golongan lelaki.




*Rajah 2 : Carta bagi umur responden*

Daripada hasil kajian kes yang telah dijalankan melalui soalan responden majoriti yang menjawab soalan respon ini tergolong dalam kalangan yang berumur 31-40 tahun di mana sebanyak 10.2%, bagi golongan yang berumur 21-30 tahun paling banyak mendapat sambutan di mana sebanyak 86.4% yang telah menjawab borang soal selidik yang telah di beri. Manakala yang paling kurang mendapat sambutan adalah golongan yang berumur 15-20 tahun.

## BANGSA

59 responses




*Rajah 3 : Carta pai merujuk pada bangsa*

Berdasarkan carta pai ini pengkaji telah membuat pemerhatian melalui borang soal selidik terhadap bangsa yang telah menjawab borang soal selidik yang diedarkan. Di mana seramai 89.8% bangsa melayu telah berjaya menjawab soal selidik ini. Manakala bangsa india sebanyak 6.8% yang telah berjaya menjawab kesemua soalan yang telah di berikan. Seterusnya bangsa cina paling rendah yang menjawab boring soal selidik yang telah diedarkan.

MALAYSIA


KELANTAN



*Rajah 4 : Carta responden bagi pekerjaan*

Berdasarkan pada pemerhatian melalui kajian yang telah di jalankan yang dijalankan terhadap responden. Respon yang masih belajar merupakan yang tertinggi peratusannya telah menjawab iaitu sebanyak 74.6%. Manakala reponden yang sudah bekerja adalah sebanyak 25.4% yang telah menjawab boring soal selidik ini.





*Rajah 5 : Carta responden bagi negeri*

Berdasarkan pada pemerhatian melalui kajian yang telah di jalankan yang dijalankan seramai 58 orang responden yang datang daripada pelbagai negeri yang telah menjawab semua borang soal selidik. Responden daripada pantai timur terdapat seramai 70.7%, daripada sebelah utara 13.8%, daripada selatan Malaysia seramai 15.5%. Manakala daripada borneo tiada rekod responden yang menjawab borang kaji selidik yang telah diedarkan ini.

#### 4.6.2 Bahagian B : Kesan filem Munafik mempengaruhi penonton




Rajah 6 : Carta ini merujuk kepada soalan 1 bahagian B

Kajian ini merujuk kepada soalan 1 bahagian B di mana soalan yang diajukan adakah filem Munafik memberikan pengajaran kepada anda tentang sikap munafik. Hasil daripada jawapan daripada responden berkaitan dengan soalan ini terdapat seramai 58 orang yang telah berjaya menjawab soalan tersebut di mana 94.8% responden yang telah memilih (Ya) dan lebih responden lagi memilih (Tidak) di mana sebanyak 5.2%.

2. Adakah kesan bunyi yang digunakan dalam filem munafik ini menakutkan anda apabila menonton ?



59 responses




Rajah 7 : Carta ini merujuk kepada soalan 2 bahagian B

Di dalam carta pai ini telah menunjuk seramai 59 orang responden yang telah menjawab soalan berkaitan dengan kesan bunyi yang digunakan dalam filem Munafik. Dalam carta ini lebih ramai yang bersetuju dengan soalan yang di ajukan dimana sebanyak 84.7% yang telah memilih (ya) dan hanya 15.3 sahaja yang telah memilih (Tidak). Hal ini dapat menunjukkan bahawa filem ini telah berjaya mempengaruhi minda penonton.

KELANTAN

3. Adakah filem munafik ini mempengaruhi anda untuk menonton dipawagam ?

59 responses




Rajah 8 : Carta ini merujuk kepada soalan 3 bahagian B

Di dalam carta pai ini telah menunjuk seramai 59 orang responden yang telah menjawab soalan berkaitan dengan filem Munafik ini mempengaruhi untuk menonton di pawagam. Dalam carta ini lebih ramai yang bersetuju dengan soalan yang di ajukan dimana sebanyak 79.7% yang telah memilih (ya) dan hanya 20.3% sahaja yang telah memilih (Tidak). Hal ini dapat menunjukkan bahawa filem ini lebih menarik jika menonton di pawagam.

4. Apabila ando menonton filem munafik pada waktu malam, adakah sampai terbawa-bawa dalam mimpi ?



59 responses



Rajah 9 : Carta pai ini menunjukkan pada soalan 4 bahagian B

Merujuk kepada kajian di atas data yang diperolehi di mana responden yang telah menjawab (Ya) seramai 33.9% manakala yang memilih tidak seramai 66.1%. Hal ini sekali lagi menunjukkan penonton tidak bersetuju dengan soalan yang diedarkan.


MALAYSIA

KELANTAN

5. Adakah audio yang digunakan dalam filem munafik ini mampu mempengaruhi diri anda ?



59 responses




Rajah 10 : Carta ini merujuk kepada soalan 5 bahagian B

Merujuk kepada carta di atas yang berkaitan dengan soalan audio yang digunakan mampu mempengaruhi penonton. Di dalam soalan ini penonton lebih setuju dengan soalan berbanding yang tidak setuju. Hal ini dapat dilihat melalui hasil daripada soalan yang diedarkan kepada responden dimana sebanyak 74.6% responden yang telah memilih (Ya) dan hanya 25.4% responden yang memilih (Tidak).

6. Adakah anda gemar menonton filem munafik pada lewat malam ?



59 responses



Rajah 11 : Carta ini menunjukkan pada soalan 6 bahagian B

Kajian ini merujuk kepada soalan 6 di mana soalan ni berkaitan adakah penonton gemar menonton filem Munafik pada lewat malam. Melalui data yang di terima menunjukkan bahawa responden lebih gemar menonton pada siang hari kerana takut menonton pada lewat malam. Penonton yang memilih (YA) adalah sebanyak 49.2% sahaja. Manakal penonton yang memilih tidak adalah sebanyak 50.8%.



#### 4.7 Kesimpulan

Analisis yang telah dilakukan oleh pengkaji setelah membuat pemerhatian terhadap keputusan yang telah di perolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada 59 orang responden melalui atas talian. Daripada analisis yang di jalankan telah membuktikan bahawa kesan bunyi yang digunakan dalam filem Munafik yang di hasilkan oleh Syamsul Yusof telah berjaya memberi kesan kepada penonton. Dimana responden yang terdiri daripada 47.5% golongan lelaki dan 52.5% golongan perempuan ini telah memberi maklumat yang tepat dan dapat memudahkan pengkaji untuk membuat analisis melalui data responden.

Filem Munafik arahan Syamsul Yusof ini telah memberi satu tampanan yang hebat buat penonton dimana filem ini mempunyai kesan bunyi yang sangat mendalam. Malah filem ini juga mempunyai maksud yang tersirat yang berbentuk sindiran terhadap pihak yang mempunyai sifat yang baik didepan orang. Filem ini mampu menyedarkan rakyat betapa pentingnya sesuatu bunyi untuk mempengaruhi penonton.

## **BAB 5**

### **PENUTUP**

#### **5.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini, pengkaji akan menyatakan tentang perbincangan terhadap kajian yang telah dilakukan. Pengkaji akan memberi cadangan – cadangan untuk kebaikan pada tempat kajian yang dilakukan yang mana cara – cara ini akan dapat menambahbaik tentang kajian tersebut. Seterusnya, pengkaji juga akan membuat kesimpulan terhadap semua kajian yang telah dilakukan bermula bab satu hingga bab penutup. Kesemua hasil kajian dan penyelidikan ini telah diperoleh semasa proses kajian akan disimpulkan dalam bab ini. Kesimpulannya, kajian ini sangat penting kerana kesemua maklumat yang ada perlu dirumus dengan sebaik mungkin supaya pembaca tidak keliru dengan maklumat yang ada dalam laporan kajian yang telah ditulis oleh pengkaji dahulu.

## 5.1 CADANGAN

Para pembikin filem seharusnya menambah dengan lebih baik lagi setiap filem seram yang di hasilkan supaya setiap filem yang mempunyai unsur seram mampu menakutkan penonton dan menarik minat. Hal ini kerana, pengkaji lebih melihat setiap penyampaian itu di lebihkan kepada berbentuk maksud bunyi yang tersirat, para pembikin filem seharusnya memahami bahawa tidak semua lapisan yang akan dapat memahami apa isi yang ingin di sampaikan, ada yang mentafsirkan dengan maksud yang di mana penonton ini semua dari pelbagai lapisan umur, jadi pembikin filem hendaklah mengambil serius unsur bunyi yang di sampaikan supaya semua golongan dapat memahami dengan lebih mudah dan megambil iktibar daripada jalan cerita yang di hasilkan dari segi kritikan sosial.

Dalam hal ini juga, semua pihak harus mengambil tanggungjawab di mana pihak Kerajaan dan FINAS hendaklah memandang dengan lebih serius hal yang berkaitan dengan penghasilan filem seram yang mempunyai kesan bunyi yang sangat dekat dengan penonton. Selama ini, golongan pembikinan filem seram di beri tentangan hebat oleh orang atasan dalam usaha mereka menghasilkan filem yang mempunyai unsur seram ini supaya dalam masa yang sama dapat menyedarkan masyarakat bahawa di dalam negara kita kini banyak mempunyai perkara mistik yang tidak baik dan harus di tangani oleh semua pihak termasuklah masyarakat kita. Ini dapat mengubah dan membuka mata semua pihak sekiranya berlaku sesuatu ketirisan di dalam sesebuah institusi dan dapat menambahbaik apa yang telah terkurang. Tidak kira apa bangsa Melayu, Cina dan India harus memainkan peranan penting supaya setiap jalan cerita yang ingin di sampaikan hendaklah meninggalkan kesan yang lebih mendalam kepada masyarakat.

## RUJUKAN

Aimi Jarr & Mohd Zamberi A. Malek (2009). *Bermulanya Filem Melayu*. Selangor; Perbadanan

Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Al-Fatihah Md Adnan & Norliza Abd Rahim. (2014). Kritikan sosial dalam filem melayu Zombi Kampung Pisang. *Journal of Buisness and Social Development* 2(2); 62-73

Anuar Nor Arai. (2007). P. Ramlee; Aspek Kemasyarakatan, Sinematografi dan Pengarahan. Dlm. Anuar Nor Arai (pnyt). *Kumpulan Esei dan Kritikan Filem*, hlm 1-26. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azlina Asaari & Jamaluddin Aziz (2013). Mencabar Ideologi Maskulin: Wanita dan Saka Dalam Filem Seram Di Malaysia. *Journal Komunikasi* 29(1): 113-126.

Azlina Asaari. (2014). Watak wanita dalam filem seram kontemporari Malaysia: Makna dan Ideology. Tesis Sarjana Fal., Pusat Pengajian Media Dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Baharudin Latif (1983). *Krisis Filem Melayu*. Selangor: Insular Publishing House.

Botting, F. (1996). *Gothic*. London: Routledge.

Box Office Mojo. (2016). Malaysia Yearly Box Office. <http://www.boxofficemojo.com/intl/Malaysia/yearly/?yr=2015&p=htm>[4 Oktober 2016]

Dirks, T. 2011. Film Genres: Origins & Types. <http://www.filmsite.org/filmgenres.html> [4 April 2015]

Jamaluddin Aziz & Azlina Assari. (2014). *Saka* and the abject: masculine dominance, the Leitmotif: archetypal imageries in Malaysian festival TV advertisements. *Journal*

*Komunikasi* 27 (2); 47-58.

Jamaluddin Aziz. (2012). *Transgressing Women: Space and the Body in Contemporary Noir Thrillers*. Newcastle upon Tyne: Cambridge Scholars Publishing.

Jamaluddin Aziz. (2014). In Conversation: Dain Said on Bunohan, Creative Filmmaking and the Malaysian Film Industry. *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse* 13: 85-95.

Jancovich, M. (1992). *Horror*. London: Batsford.

Jewell, R. B. (2007). *The Golden age of cinema: Hollywood. 1929-1945*. United States: Wiley Blackwell.

Jins Shamsudin. (2014). *Filem Melayu: Citra Budaya dan Rakaman Sejarah Sintok*: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Jones, D. (2002). *Horror. A Thematic History in Fiction and Fil*. United Kingdom: Arnold Publishers.

King, S. (2011). *Dance macabre*. New York: Simon and Schuster.

Kracauer, S. (2011). *Theory of Film: The Redemption of Physical Reality*. United Kingdom: Princeton University Press

Lent, J. A. (1990). *The Asian film industry*. Austin: University of Texas Press.